

01/07/2003

Bekas menteri dicalon setiausaha agung

KUALA LUMPUR: Malaysia dijangka mencalonkan seorang bekas menteri untuk dipilih sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikatakan menolak untuk memegang sebarang jawatan selepas bersara.

Agensi berita IslamOnline yang beribu pejabat di Doha, Qatar melaporkan negara Arab sebelum ini menaruh harapan agar Dr Mahathir memegang jawatan itu selepas bersara Oktober ini.

"Jika Dr Mahathir tidak mahukan jawatan itu, Malaysia mungkin mencalonkan seorang bekas menteri yang pakar dalam dasar luar," kata agensi itu memetik sumber pemimpin Umno.

Setiausaha Agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi yang menyandang jawatan itu sejak 2001. Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra ialah Setiausaha Agung OIC yang pertama dari 1971 hingga 1973.

Dr Abdelouahed adalah Setiausaha Agung OIC kelapan dan tempohnya akan berakhir tahun depan.

Malaysia adalah tuan rumah sidang kemuncak OIC ke-10 Oktober ini apabila mengambil alih jawatan Pengerusi OIC daripada Qatar.

Baru-baru ini, Dr Abdelouahed melawat negara ini bagi meninjau persiapan Malaysia untuk menjadi tuan rumah itu dan turut mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut IslamOnline, beberapa pemerhati di Malaysia mahukan pertubuhan seperti OIC memainkan fungsi utama di dunia Islam dan boleh menjadi wadah untuk ummah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Sebelum ini, Dr Mahathir disebut-sebut sebagai calon popular untuk jawatan Setiausaha Agung OIC kerana ketokohnya di peringkat antarabangsa serta menjadi jurucakap negara membangun selaku Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Namun ketika ditanya wartawan pada sidang media di akhir Perhimpunan Agung Umno, 22 Jun lalu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu memegang sebarang jawatan selepas bersara.

Perdana Menteri berkata, beliau sedia memberi pandangan kepada OIC jika diminta berbuat demikian.

Dr Mahathir diminta mengulas cadangan banyak negara OIC yang mahukan Malaysia meletakkan calon untuk jawatan Setiausaha Agung badan yang mewakili negara Islam terbesar di dunia itu.